

## PERSPEKTIF HAMKA DAN ARISTOTLE MENGENAI KEBAHAGIAAN (Perspective of Hamka and Aristotle on Happiness)

<sup>1</sup> MOHD ANNAS SHAFIQ AYOB

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Pusat Asasi UiTM, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Selangor, Kampus Dengkil, 43800, Dengkil, Selangor.

---

### ABSTRAK

Kebahagiaan merupakan keinginan bagi semua manusia dalam kehidupan mereka. Selain itu kebahagiaan merupakan tujuan terakhir bagi kehidupan manusia. Seringkali kebahagiaan didengar dan dilafazkan, namun setiap manusia berbeza pandangan mengenai makna dan cara mencapai kebahagiaan. Konsep kebahagiaan merupakan isu yang dibincangkan oleh ahli falsafah terutamanya bagi dua orang tokoh pemikir terkemuka iaitu Hamka (1908-1981 M.) dan Aristotle (384-322 S.M). Kedua tokoh tersebut mempunyai pendekatan yang berbeza berkaitan konsep kebahagiaan. Oleh itu, makalah ini menganalisis makna dan cara mencapai kebahagiaan yang telah dibincangkan menurut perspektif dua orang tokoh pemikir tersebut berdasarkan hasil penulisan mereka. Penelitian ini mengetengahkan metode perbandingan makna dan cara mencapai kebahagiaan. Hasil kajian mendapati wujud persamaan dan perbezaan dalam konsep kebahagiaan di antara Hamka dan Aristotle dalam beberapa aspek tertentu. Hamka melihat kemuncak kebahagiaan dapat dicapai dengan berpandukan Islam. Manakala Aristotle pula melihat kebahagiaan dapat dicapai berpandukan penggunaan akal. Oleh itu, kajian ini dapat memberi kefahaman mengenai konsep kebahagiaan dari segi makna dan cara mencapai kebahagiaan melalui konsep yang betul.

**Kata kunci:** Kebahagiaan; Hamka; Aristotle; akal

## **ABSTRACT**

Happiness is human desire in their life. Nevertheless, happiness is the highest goal for humankind. The word happiness is often heard and pronounced, but every people differing views on the meaning and the way to attain happiness. The concept of happiness is an issue that philosophers discuss especially for two prominent thinkers, Hamka (1908-1981 A.D) and Aristotle (384-322 B.C). Both Hamka and Aristotle have different stands with regards to the concept of happiness. Hence, this study analyse the meaning of happiness and how to attain it as understood by both from their writings. This article depends on comparison methods on definition and how to achieve happiness. The findings of the study find that there are similarities and differences in certain aspect on happiness between Hamka and Aristotle. Hamka sees the true happiness can be achieved through Islam. Aristotle, on the other hand, sees happiness can be achieved through the use of reason. Therefore, this article bring true understanding about happiness to societies about how to attain happiness on the right way.

**Keywords:** Happiness; Hamka; Aristotle; reason

## **PENGENALAN**

Seluruh manusia menerima kebahagiaan sebagai tujuan terakhir dalam kehidupan manusia (Aristotle 1962). Walau bagaimanapun penilaian dan ukuran kebahagiaan bagi setiap individu adalah berlainan disebabkan kebahagiaan bersifat relatif bagi setiap individu. Kebahagiaan bersifat kejiwaan dan maknawi; sesuatu yang tak dapat dilihat oleh mata dan dihitung oleh angka namun kebahagiaan hanya dapat dikecapi oleh jiwa. Hasilnya wujud pandangan masing-masing mengenai makna dan cara mencapai kebahagiaan. Oleh yang demikian, makalah ini membincangkan tentang makna dan cara mencapai kebahagiaan dengan membawa dua tokoh berlainan pandangan iaitu tokoh Greek klasik diwakili Aristotle dan pandangan dari sudut Islam diwakili oleh Hamka.

Hamka ialah singkatan nama bagi Haji Abdul Malik Karim Amrullah dilahirkan pada 17 Februari 1908 di Kampong Tanah Sirah, Sungai Batang Maninjau, Sumatera Barat (Hamka 1979). Beliau merupakan seorang ulama' dan pemikir yang terkenal khususnya di Nusantara. Hamka mendapat pendidikan di kawasan Sumatera Barat dan di Mekah. Beliau banyak menghasilkan karya penulisan antaranya *Tafsir al-Azhar*, *Tasawuf Modern*, *Sejarah Ummat Islam dan Falsafah Hidup*. Manakala Aristotle merupakan salah seorang ahli falsafah dan tokoh yang terkenal dalam membincangkan konsep kebahagiaan yang hidup pada masa tamadun Greek klasik. Beliau dilahirkan pada tahun 384 SM di sebuah bandar kecil Stagira, terletak di utara Greek. Plato merupakan gurunya yang terkenal dan Aristotle sendiri pernah menjadi guru kepada

seorang penakluk terkenal yaitu Iskandar Agung atau dikenali sebagai *Alexander the Great*. Beliau telah mendirikan sekolah yang dikenali sebagai Lyceum. Di antara karya penulisannya ialah *On the Soul*, *Metaphysics*, *Nicomachean Ethics*, *Eudemian Ethics* dan *Politics* (Furley 2007).

Secara umumnya, tulisan mengenai konsep kebahagiaan sudah banyak dibincangkan, namun konsep perbandingan di antara dua tokoh dari ilmuwan Islam dan falsafah Greek khususnya Hamka dan Aristotle masih belum dilakukan secara khusus. Jika wujud perbandingan konsep kebahagiaan di antara tokoh sekalipun, bukanlah di antara Hamka dan Aristotle, tetapi melibatkan tokoh-tokoh yang lain. Banyak tulisan mengupas mengenai kebahagiaan seperti *Kimiya al-Sa'adat* dan *'Ihyā' Ulūm al-Dīn* oleh al-Ghazali, *Ma'na Kebahagiaan Dan Pengalamannya Dalam Islam* oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas, *The Happiness Purpose* oleh Edward de Bono. Selain itu tulisan John Cowper Powys yang berjudul *The Art of Happiness*.

## METODOLOGI

Kajian tekstual, melalui analisis makna dan metode kebahagiaan, diguna pakai dengan pengumpulan data bersumberkan karya Hamka dan Aristotle yang menjadi sumber primer dan sekunder serta rujukan utama perbincangan berkenaan konsep kebahagiaan. Pengumpulan data utama melalui analisis dokumen sumber primer iaitu buku tulisan Hamka seperti *Tasawuf Moden*, *Tafsir al-Azhar*, *Pandangan Hidup Muslim* dan *Kenang-Kenangan Hidup*. Manakala tulisan Aristotle dalam *Nicomachean Ethics* berkenaan perbincangan maksud kebahagiaan dan cara mencapai kebahagiaan menurut kedua tokoh tersebut selain dari sumber sekunder yang merujuk kepada kedua tokoh tersebut. Pengumpulan data melalui bahan-bahan perpustakaan digunakan dalam kajian ini. Selain itu, kajian kualitatif ini berasaskan analisis perbandingan perbincangan konsep kebahagiaan di antara dua tokoh tersebut. Rujukan melalui tulisan kedua tokoh tersebut bertujuan mengenal pasti perbezaan dan persamaan berkenaan konsep kebahagiaan yang dibincangkan.

### Makna Kebahagiaan Menurut Aristotle

Menurut Aristotle, semua manusia bersetuju kebaikan tertinggi bagi manusia merupakan kebahagiaan (McKeon 2001). Ini adalah berdasarkan pandangan Aristotle sendiri dalam buku karangan beliau *Nicomachean Ethics* mengenai apa yang dipersetujui oleh manusia. Aristotle (1962) menyebutkan:

*Happiness, then, is something final and self-sufficient, and is the end of action.*

Petikan tersebut adalah berkenaan apa yang dimaksudkan dengan kebahagiaan oleh Aristotle. Kebahagiaan dalam tradisi falsafah Greek klasik disebut sebagai sebuah

konsep iaitu *eudaimonia*. Kesemua ahli falsafah etika Greek klasik dikenali sebagai *eudaimonistic* iaitu orang yang membincangkan mengenai konsep kebahagiaan (Prior 2001). Bagi masyarakat Greek klasik juga, etika ialah mengenai cara untuk mencapai *eudaimonia* (O'Grady 2005). Malah, *eudaimonia* merupakan konsep yang utama dan dibincangkan dalam teori etika Greek klasik dan inilah yang mempengaruhi perbincangan etika pada masa kini (Annas 1998). Aristotle (2012) menyebutkan mengenai *eudaimonia*:

Verbally there is a very general agreement, for both the general run of men and people of superior refinement say that it is eudaimonia, and identify living well and faring well with being happy, but with regard to what eudaimonia is they differ, and the many do not give the same account as the wise.

Namun untuk mengetahui makna kebahagiaan, tidak ramai manusia yang bersetuju bahkan terdapat perbezaan pendapat seperti mana yang disebutkan Aristotle. Ramai manusia menyangka kelebihan dan kesenangan yang mereka perolehi setelah mendapat kekurangan dan kesusahan adalah sudah memenuhi tujuan akhir dan matlamat utama sepertimana Aristotle (2012) mengatakan dalam *Nicomachean Ethics*:

*The many think it is something palpable and obvious, for example pleasure or wealth or honor. Some think it's one thing and others think it's another and often the same person thinks it's different things. When he is sick he thinks eudaimonia is health, but when he is poor he thinks it is wealth.*

Menurut Aristotle, *eudaimonia* merupakan kebaikan tertinggi bagi manusia *highest good* dan tujuan akhir (ends). Kebaikan tertinggi dan tujuan akhir juga boleh tercapai dengan kebaikan moral seperti keseronokan, kekayaan, kesihatan dan sebagainya. Namun Aristotle tidak bersetuju kebaikan moral sebagai tujuan akhir (Copleston 1993). Sememangnya keseronokan, kekayaan dan kesihatan merupakan salah satu daripada kebaikan moral. Dalam hal ini Aristotle sendiri telah menjelaskan bahawa kebahagiaan merupakan maksud keseluruhan bagi *eudaimonia* iaitu kebahagiaan sebagai matlamat akhir seperti yang telah dijelaskan. *Eudaimonia* juga bukanlah suatu perasaan seperti yang digambarkan oleh Huges (2001), malah beliau memberi makna *eudaimonia* sebagai sebuah kehidupan yang sempurna (a fulfilled life). Beliau berpegang pada kenyataan Aristotle yang menyatakan bahawa *eudaimonia* ialah pencapaian potensi seseorang secara penuh. Aristotle juga menyatakan bahawa semua orang akhirnya bersetuju kebahagiaan merupakan kehidupan yang sempurna (Huges 2001).

### **Makna Kebahagiaan Menurut Hamka**

Menurut Hamka, berdasarkan bukunya *Tasawuf Moden*, kebahagiaan ialah seseorang yang dapat menggunakan dan mengoptimumkan akalinya dengan sempurna. Beliau

menyebut; “Bertambah luas akal, bertambah luaslah hidup, bertambah datangnya bahagia. Bertambah sempit akal, bertambah sempit pula hidup, bertambahlah datang celaka” (Hamka 1970). Akal yang semakin sempurna memungkinkan seseorang itu mencapai kebahagiaan tertinggi. Oleh sebab itu, kesempurnaan kebahagiaan menurut Hamka bergantung pada akal. Walau bagaimanapun, akal sahaja tidak mencukupi bagi menjanjikan kebahagiaan. Menurut Hamka (1970) lagi, apa yang menjadi perantaraan di antara akal dan kebahagiaan ialah kemahuan (*irādah*). Akal yang sudah tinggi jika tiada iradah, maka bahagia tetap tidak akan tercapai. Beliau menjelaskan:

Pekerjaan akal yang paling berat ialah memperbedakan mana yang buruk dan mana yang baik, serta memahami barang sesuatu. Tetapi dengan semata-mata akal saja belum cukup untuk mencapai bahagia, kerana akal adalah berhenti perjalanannya sehingga itu. Adapun yang menjadi perantaraan antara akal dan bahagia, ialah iradah, kemahuan.

Seseorang menyatakan bahawa dia merasa bahagia namun pada hakikatnya bukanlah kebahagiaan yang sebenar yang dirasainya. Menurut Hamka, seseorang itu tidak dapat mengecapi nikmat bahagia jika suka berkhayal, terlalu menurut keinginan dan terikat dengan hal-hal yang bersifat lahiriyah. Sifat sebegini dapat menyesatkan manusia dalam mencapai tujuan dan hakikat hidup. Ini sepertimana yang dikatakan oleh Hamka (1970):

Sebab itu, sekali-kali tidaklah bernama bahagia dan nikmat jika hati dan khayal kita hanya kita perhubungan dengan barang isi alam yang lahir ini, yang harganya menurut keinginan kita. Jangan terlalu diperintah oleh khayal dan angan-angan.

Namun Hamka sendiri tidak mengemukakan pengertian bahagia secara terperinci kerana menurut beliau bahagia itu suatu yang lazat dan nikmat yang tidak mudah untuk diperjelaskan secara terperinci. Beliau hanya mengumpulkan pendapat dan pandangan orang lain mengenai bahagia dalam bukunya iaitu *Tasawuf Moden* dengan memetik pandangan daripada Aristotle, Ibnu Khaldun, al-Ghazali, Leo Tolstoy dan George Bernard Shaw sebagaimana yang beliau sebut (Hamka 1970):

Maka kebahagiaan yang kita cari itu terlalu tinggi. Kita semuanya hanya mengumpulkan pendapat orang lain, kerana demikianlah kita ini di dalam hidup. Kadang-kadang pula telah dirasainya, hanya angan-angannya begitulah agaknya. Kadang-kadang pula telah dirasainya, tetapi tak sanggup dia melukiskan secara terperinci, kerana tidak mudah bagi manusia menerangkan segala kelazatan yang dirasainya.

## **METODE KEBAHAGIAAN MENURUT ARISTOTLE DAN HAMKA**

Aristotle secara teliti membincangkan konsep *eudaimoniya* dengan menghubungkan beberapa kriteria yang khas di dalam *Nicomachean Ethics*. Manakala Hamka banyak

membincangkan mengenai kebahagiaan dalam tulisannya khususnya dalam *Tasawuf Moden* dan tulisan-tulisan beliau yang lain. Perbincangan seterusnya memfokuskan mengenai kebahagiaan sebagai tujuan akhir dan cara mencapai kebahagiaan serta hubungannya dengan akal. Setelah menjelaskan makna kebahagiaan sebelum ini, berikut adalah metode kebahagiaan menurut Aristotle dan Hamka:

### **Kebahagiaan Sebagai Tujuan Akhir Menurut Aristotle**

Kebahagiaan menurut Aristotle ialah apabila manusia dapat menjalankan fungsinya dengan baik untuk mencapai sesuatu tujuan. Manusia mencapai kebahagiaan dengan menjalankan kegiatan akalnya secara paling baik, kerana sememangnya manusia dikurniakan akal untuk melakukan sesuatu perbuatan (Bertens 2004). Kebahagiaan merupakan tujuan utama dan suatu tujuan terakhir dalam siri perbuatan manusia. Namun, Aristotle turut menegaskan bahawa terdapat tujuan utama atau perbuatan seperti keberanian yang dilakukan untuk keberanian itu sendiri tanpa melibatkan tujuan lain atau mencapai sesuatu tujuan lain (Aristotle 1962). Contohnya, seseorang menunjukkan keberanian bukan kerana hendakkan kebahagiaan, tetapi hanya ingin menunjukkan keberaniannya sahaja.

Ini berdasarkan kenyataan Aristotle bahawa setiap kebaikan seperti keberanian sepatutnya dipilih untuk nilai perbuatan itu sendiri dan bukan untuk mencapai tujuan yang lain walaupun seseorang itu tidak mendapat manfaat hasil dari perbuatan yang dilakukannya, maka ada nilainya sendiri di sebalik perbuatan tersebut. Selain itu, Aristotle sebenarnya awal-awal lagi di dalam *Nicomachean Ethics* telah menyebutkan hanya ada satu kebaikan tertinggi dalam setiap perbuatan manusia (Aristotle 1962). Kebaikan yang dimaksudkan merupakan kebaikan yang terkandung di dalam setiap perbuatan yang ditafsirkan sebagai tujuan akhir. Justeru, kebaikan terakhir yang dimaksudkan adalah kebahagiaan.

Aristotle menyatakan bahawa tiada siapa yang memilih nilai kebahagiaan untuk mencari tujuan-tujuan utama seperti kemegahan dan kemuliaan, tetapi tujuan-tujuan utama tersebut dicapai oleh manusia kerana untuk mencapai kebahagiaan seperti yang disebut dalam *Nicomachean Ethics: No one chooses happiness for the sake of honor, pleasure* (Aristotle 1962). Namun, Aristotle sendiri menyatakan bahawa setiap kebaikan moral merupakan tujuan utama dan terakhir dalam setiap perbuatan manusia dan bukan kebahagiaan sahaja sebagai tujuan utama (Aristotle 1962). Sebagai contoh, banyak kriteria kebaikan lain yang boleh disimpulkan sebagai kebaikan tertinggi seperti kekayaan, keseronokan dan sebagainya. Namun kriteria kebaikan tertinggi menurut Aristotle bukanlah kekayaan sebagai contoh kerana kekayaan menurut beliau bukanlah satu-satunya keinginan yang bersifat pengakhiran dan kekayaan itu berbentuk materialistik (Bertens 2004).

Seterusnya, kekayaan hanyalah alat untuk mencari kebaikan lain, maka kebaikan yang dimaksudkan ialah kebaikan tertinggi. Kedua, kebaikan tertinggi ini mestilah sesuatu kebaikan yang jelas dan hanya terdapat pada manusia. Salah satu kebaikan seperti keseronokan tidak boleh diguna pakai sebagai kebaikan tertinggi kerana haiwan juga merasai keseronokan. Kebaikan tertinggi tertumpu ke arah manusia dan ini hanya boleh dicapai oleh manusia dan bukan makhluk yang lain (Bertens 2004). Merujuk kepada kenyataan Aristotle di dalam *Nicomachean Ethics*, beliau menganggap bahawa kebahagiaan hanyalah sebagai satu tujuan utama dalam kehidupan, dan terdapat juga tujuan-tujuan utama lain terutama yang berkaitan soal kebaikan moral. Namun, akhirnya kerangka tujuan akhir kehidupan manusia bagi Aristotle seperti yang telah disebutkan ialah:

Happiness, then, is something final and self-sufficient, and is the end of action (Aristotle 1962)

### **Kebahagiaan Sebagai Tujuan Akhir Menurut Hamka**

Hamka menjelaskan bahawa semua manusia mencari kebahagiaan yang sejati dan kebahagiaan sejati letaknya hanyalah di akhirat, iaitu kebahagiaan yang kekal (*baqa'*), bukan kebahagiaan yang sementara (*fana'*). Hamka menjelaskan manusia memiliki suatu tujuan hidup yang lebih tinggi, bukan hanya mencukupi keperluan kebendaan dan jasmani sahaja. Malah kehidupan bukan setakat di dunia sahaja, malah berlaku juga kehidupan di akhirat yang memerlukan kebahagiaan (Hamka 1982). Tambah Hamka, kehidupan di dunia ini sangat berkait dengan dua jenis kehidupan iaitu duniawi dan ukhrawi. Manusia tidak akan bahagia jika tidak berpegang kepada tali Allah dan tali insaniah. Beliau menjelaskan (Hamka 1966):

Terlalu diperturutkan kehendak rohani, kita pun lapar. Terlalu diperturutkan kehendak jasmani, mundurlah nilai-nilai yang lebih tinggi dalam hidup dan bertukarlah insan jadi binatang.

Kebahagiaan yang hakiki menurut Hamka adalah kebahagiaan ketika seseorang bertemu dengan Tuhannya di akhirat iaitu kebahagiaan yang hanya diperoleh di sisi Allah SWT (Abdul Rauf 2013). Ketika itu tidak wujud perasaan dukacita, tidak ada yang kaya mahupun yang berpangkat tinggi, sebaliknya hanya perasaan gembira, semua yang kaya dan semua makhluk sama tarafnya di sisi Allah SWT. Walau bagaimanapun manusia suka mencari kebahagiaan yang sementara sifatnya tanpa mengetahui ada kebahagiaan yang lebih baik dan bentuknya bukan bersifat material. Justeru, kebahagiaan material hanyalah kebahagiaan bersifat sementara dan tidak dapat memberikan ketenangan dan kepuasan kepada jiwa manusia dengan penjelasan yang didasarkan kepada penafsiran Hamka (1982) dalam menafsirkan surah al-Fajr 89: 27-30 yang bermaksud:

Hai jiwa yang tenang. Kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang puas dan diredhainya. Maka masuklah ke dalam kumpulan hamba-hamba Ku. Masuklah ke dalam syurga Ku.

Melalui ayat tersebut, Hamka (2012) menafsirkan jiwa yang tenang (al-Nafs al-Mutma'innah) adalah jiwa yang mencapai makrifat, sehingga tidak sabar untuk berjauhan dengan Tuhan walaupun seketika disebabkan Tuhan itu sentiasa ada dalam ingatannya. Kebahagiaan sejati diterjemahkan sebagai seseorang yang tergolong dalam hamba-hamba yang diredhai oleh Allah SWT, dapat mengecapi nikmat ke syurga dan dapat bertemu Allah SWT sebagai nikmat yang tertinggi. Kesannya, menurut Hamka, manusia yang dekat dirinya dengan Allah SWT akan mendapat kurnia berupa segala puncak kelazatan dan kepuasan hati, sehingga hilang segala dukacita dalam kehidupan kerana percaya bahawa segala sesuatu berasal dari Allah SWT dan Allah SWT merupakan sumber kebahagiaan (Hamka 1966). Justeru Allah SWT juga yang akan memberi kebahagiaan yang tertinggi di akhirat kelak.

### **Cara Mencapai Kebahagiaan Menurut Aristotle**

Dalam menggerakkan perlakuan manusia dalam mencari kebahagiaan, manusia haruslah memenuhi satu fungsi khas menurut Aristotle. Namun, apakah fungsi khas yang berkait rapat dan menggerakkan semua perlakuan manusia tersebut? Fungsi khas tersebut merupakan akal *reason* iaitu keunggulan bagi manusia berbanding makhluk lain, dalam erti kata lain manusia mencapai kebahagiaan dengan menjalankan aktiviti rasionalnya iaitu akal dengan secara paling baik (Aristotle 1962). Manusia mempunyai fungsi khusus dan tidak dikongsi oleh makhluk lain. Fungsi tersebut sudah tentu bukan untuk memenuhi kelazatan fizikal dan indera, kerana fungsi tersebut lebih kepada fungsi binatang. Dari sudut lain, untuk mencapai *eudaimonia*, seseorang mestilah dapat memenuhi fungsinya secara sempurna, iaitu merujuk kepada keupayaan akal untuk berfikir dan berhujah. Bagi mencapai *eudaimonia*, seseorang mestilah memenuhi fungsi manusia secara sempurna yang mana menurut Aristotle fungsi tersebut adalah akal rasional (reasoning) secara sempurna. Setiap orang dewasa mempunyai keupayaan tersebut namun tidak semua dapat menyempurnakannya. Beliau menyebut manusia dicipta untuk berfikir dan menggunakan akal, oleh yang demikian dengan menyempurnakan keupayaan tersebut, manusia dapat mencapai kebahagiaan (Aristotle 1962).

Aristotle cuba menghubungkan peranan manusia yang menggunakan akalnya dan yang bertindak sebagai manusia untuk mencapai kebahagiaan yang tidak boleh dimiliki oleh makhluk lain (Aristotle 1962). Berdasarkan pernyataan tersebut, dapat difahami apa yang berkaitan dengan *eudaimonia* ialah kehidupan yang aktif dan prinsip rasional. Prinsip rasional inilah yang berkaitan dengan akal, kerana Aristotle memfokuskan mengenai *eudaimonia* yang terdapat pada manusia. Hidupan lain



mungkin mempunyai unsur kehidupan yang aktif, namun hanya manusia sahaja yang mempunyai unsur prinsip rasional. Akal berhubung dengan aktiviti rasional yang memandu manusia untuk melakukan sesuatu perkara. Aktiviti yang rasional yang dipenuhi secara baik haruslah dilakukan secara tetap dan bukan beberapa kali sahaja. Kegiatan aktiviti rasional diiringi dengan dua bentuk kebaikan.

Menurut Aristotle lagi, proses akal penting untuk mencapai kebahagiaan. Akal digerakkan oleh dua kebaikan iaitu kebaikan intelektual dan kebaikan moral. Kebaikan intelektual menyempurnakan akal, manakala kebaikan moral, akal menjalankan pilihan yang perlu dalam kehidupan seharian. Akal yang rasional dilihat menentukan jalan tengah di antara dua ekstrem yang bertentangan (Aristotle 1962). Dua ekstrem bertentangan ini bermaksud dua keadaan yang bersifat tidak baik, suatu keadaan yang bersifat kurang dan terlalu banyak atau berlebihan (Alparslan Açikgenç 2008). Justeru, kebaikan intelektual lebih unggul dan tinggi lantaran dengannya manusia dapat melaksanakan fungsi utama sebagai manusia, di samping itu mereka dapat memanfaatkan anasir yang dibekalkan iaitu akal yang berbentuk anasir ketuhanan.

Walau bagaimanapun, manusia juga mempunyai unsur material selain daripada unsur rasional ataupun akliah. Maka seperti tumbuh-tumbuhan, manusia juga bersifat appetitif, dan sebagaimana binatang, manusia juga bersifat sensitif (Nasir Omar 2012). Oleh itu kebaikan yang diperlukan oleh manusia mestilah juga terdiri daripada kedua dimensi kemanusiaan iaitu kebaikan rohani dan kebaikan jasmani sekali gus. Pertama, merujuk kepada kebaikan yang diperolehi oleh manusia melalui proses berfikir dan berfalsafah; manakala yang kedua pula merujuk kepada kebaikan yang dicapai oleh manusia dengan mengawal hawa nafsu dan apetatif supaya patuh kepada arahan yang rasional (Nasir Omar 2012). Inilah yang dimaksudkan oleh Aristotle dengan kebaikan intelektual dan kebaikan moral. Kebahagiaan adalah hasil adunan daripada kebaikan intelektual dan kebaikan moral sekali gus. Contohnya, yang pertama kecerdasan berfikir, falsafah, kuat memori dan kemampuan untuk belajar; manakala yang kedua termasuk keadilan, keberanian, kesederhanaan dan lain-lain sifat mulia.

### **Cara Mencapai Kebahagiaan Menurut Hamka**

Hamka menyimpulkan bahawa darjat manusia menurut darjat akalinya kerana dengan akal, manusia dapat membezakan baik dan buruk (Yunan Yusuf 1990). Rumusan Hamka, jika akal bertambah sempurna, maka bertambah indah dan murni akal tersebut. Oleh yang demikian, bertambah pulalah darjat kebahagiaan yang dicapai (Hamka 2012). Ini berdasarkan kepada Hadis yang dikutip oleh Hamka yang menunjukkan kayu ukur kebahagiaan menurut darjat akalinya. Hamka menyambung:

Bertambah luas akal, bertambah luaslah hidup, bertambah besarlah kebahagiaan. Bertambah sempit akal, bertambah sempit pula hidup, bertambah besar pula celaka.

Hamka sependapat dengan pandangan pemikir muslim terdahulu iaitu akal perlu dilengkapi dengan kemahuan (iradah) dan berfikir (al-Fikr). Namun akal terlebih dahulu mestilah memenuhi syaratnya yang terdiri daripada baik makrifatnya kepada Allah SWT iaitu dengan mengenal Allah SWT (makrifatullah), kedua, baik ketaatannya kepada Allah SWT, dan ketiga, baik kesabarannya atas ketentuan dari Allah SWT (Hamka 2012). Sepertimana yang telah dibincangkan, untuk mencapai kebahagiaan yang paling mudah adalah dengan jalan beragama. Namun, dalam memahami hakikat agama, di sinilah bermulanya peranan akal. Akal secara khusus dapat memandu manusia dalam memahami nas-nas agama terutamanya al-Quran. Dalam membahaskan mengenai penggunaan akal terhadap ayat-ayat al-Quran, Hamka (1982) melalui pentafsirannya terhadap ayat dalam surah Fusilat 41: 53 yang bermaksud:

Kami akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda (kekuasaan) Kami di segenap ufuk dan pada diri mereka sendiri, sehinggalah jelaslah bagi mereka bahawa al-Quran itu adalah benar.

Dalam pentafsiran ayat tersebut, Hamka membahaskan bahawa akal merupakan alat yang dapat memecah kebuntuan dalam menjelaskan beberapa makna dan konsep tentang al-Quran (Wan Sabri 2007). Terdapat beberapa ayat yang samar dan umum dalam al-Quran. Namun, dengan bantuan sains dan penemuan saintifik yang baharu ayat-ayat tersebut dapat difahami dengan lebih komprehensif. Bagi Yunan Yusuf (1990), akal menurut Hamka ialah anugerah Tuhan kepada makhluk yang dipilihnya iaitu manusia sebagai makhluk pilihan yang membezakan dengan makhluk lain dan layak mengecapi kebahagiaan. Justeru, menurut Hamka, kebahagiaan ialah seseorang yang dapat menggunakan dan mengoptimumkan akalnya dengan sempurna (Abdul Rauf 2013). Akal merupakan alat yang sangat penting untuk mencapai kebahagiaan dengan cara menyempurnakan syarat akal dengan tidak memutuskan hubungan akal dengan Allah SWT.

Walau bagaimanapun, akal tidak akan berfungsi dengan baik jika tubuh badan dan jiwa tidak sihat. Bagi Hamka, kesihatan tubuh badan dan jiwa sangat penting untuk mencapai kebahagiaan. Tubuh badan yang sakit akan memberikan kesan kepada jiwa, seterusnya menyebabkan akal turut menjadi sakit dan tumpul. Menurut Hamka (1982):

Kalau jiwa sihat, dengan sendirinya memancarkan bayangan kesihatan itu pada mata, dari sana memancar cahaya gemilang, timbul dari sukma yang tiada sakit. Demikian juga kesihatan badan, dapat membukakan fikiran, mencerdaskan akal, menyebabkan juga kebersihan pada jiwa.

### **Perbandingan Metode Mencapai Kebahagiaan Aristotle dan Hamka**

Setelah meneliti perbincangan di antara Aristotle dan Hamka mengenai makna, kebahagiaan sebagai tujuan akhir dan cara mencapai kebahagiaan, seterusnya

perbincangan mengenai perbandingan di antara keduanya dari segi makna, kebahagiaan sebagai tujuan akhir dan cara mencapai kebahagiaan yang dikenal pasti oleh penulis dengan meringkaskannya seperti berikut:

## 1. Perbandingan Makna Kebahagiaan

Kebahagiaan menurut Aristotle berpaksikan konsep *eudaimonia* iaitu konsep yang terbentuk dalam masyarakat Greek klasik mengenai cara hidup untuk mencapai kebahagiaan. Manakala perbincangan makna oleh Hamka lebih terarah dan fokus apa yang dimaksudkan dengan kebahagiaan, walaupun beliau mengakui tidak mentakrifkan maksud kebahagiaan secara tepat. Namun terdapat persamaan yang dapat dinyatakan oleh mereka berdua iaitu dalam hal merasai kebahagiaan, mereka menolak kebahagiaan yang bersifat sementara, iaitu kebahagiaan yang terikat dengan sebab material yang diperoleh menerusi kekayaan, kesihatan dan sebagainya. Persamaan lain yang dapat dikesan ialah mereka menyatakan bahawa setiap manusia mempunyai perbezaan definisi mengenai kebahagiaan. Sebagai contoh ada yang menganggap kesenangan dan keseronokan sebagai kebahagiaan. Selain itu, kedua mereka meletakkan kebahagiaan sebagai satu pencapaian dan tujuan akhir dalam kehidupan manusia.

Seterusnya, perbezaan yang dapat dilihat menerusi isi makna yang diketengahkan oleh mereka berdua. Aristotle tidak menyebut secara jelas mengenai apakah yang dimaksudkan dengan kebahagiaan. Namun secara langsung beliau membincangkan mengenai konsep *eudaimonia* dengan menyatakan bahawa *eudaimonia* merupakan tujuan akhir perbuatan. Ini dapat dilihat berdasarkan kenyataan beliau iaitu *happiness, then, is something final and self-sufficient, and is the end of action*. Aristotle lebih banyak membincangkan nilai yang berkisar di sekitar *eudaimonia* daripada membincangkan erti kebahagiaan dalam perbincangan makna kebahagiaan. Penulis menyimpulkan bahawa kebahagiaan itu sendiri yang dimaksudkan oleh Aristotle merupakan tujuan akhir dan kebaikan tertinggi bagi segala perbuatan. Manakala Hamka menyentuh mengenai fungsi akal sebagai komponen utama untuk mencapai kebahagiaan. Definisi beliau lebih tertumpu kepada akal sebagai satu komponen dalam mencapai kebahagiaan. Seseorang yang bahagia adalah mereka yang menggunakan akalnya.

## 2. Perbandingan Kebahagiaan Sebagai Tujuan Akhir

Pertama, terdapat persamaan di antara Aristotle dan Hamka iaitu mereka bersetuju bahawa nilai kebahagiaan merupakan nilai terakhir dalam pencapaian kehidupan manusia. Kedua, wujud persamaan antara mereka berdua iaitu dengan bersetuju bahawa kebahagiaan merupakan satu nilai yang baik. Aristotle menganggap bahawa kebahagiaan merupakan kebaikan yang tertinggi. Manakala Hamka menyebut kebahagiaan itu lawannya duka cita, tidak ada yang kaya mahupun yang berpangkat

tinggi. Ketiga, kebahagiaan merupakan satu nilai yang kekal bukan suatu nilai yang sementara.

Seterusnya, dari sudut perbezaan dapat dilihat Aristotle membincangkan kebahagiaan dari sudut teknikal, iaitu beliau masih membincangkan perbuatan akhir manusia sama ada keseronokan, kemuliaan dan sebagainya. Namun, akhirnya Aristotle menyimpulkan bahawa kebahagiaan merupakan tujuan akhir. Berbeza dengan Hamka yang secara tuntas menyatakan tujuan akhir manusia merupakan kebahagiaan sejati yang hanya diperoleh di akhirat dengan kejayaan bertemu Tuhan. Perbincangan Hamka lebih tertumpu kepada aspek ketuhanan dan agama Islam sendiri. Jiwa yang tenang merupakan manifestasi kebahagiaan sejati lantaran amal baik yang dilakukan di dunia dengan memasuki syurga.

### 3. Perbandingan Cara Mencapai Kebahagiaan

Perbandingan dari segi persamaan dapat dilihat melalui kerangka akal yang sama diguna pakai oleh Aristotle dan Hamka. Aristotle menganggap bahawa akal merupakan suatu fungsi khusus yang hanya terdapat pada manusia maka dengan akal dapat memandu manusia memilih perlakuan yang akan membawa kepada kebahagiaan. Hamka terlebih awal menyebut fungsi akal dalam definisi kebahagiaannya dan seterusnya beliau memasukkan perbincangan akal secara mendalam dalam aspek cara untuk mencapai kebahagiaan.

Kemudian mengenai perbandingan dari segi perbezaan cara mencapai kebahagiaan, pertama, Aristotle membincangkan secara mendalam mengenai akal dengan mewujudkan beberapa teori iaitu akal digerakkan oleh dua kebaikan iaitu kebaikan intelektual dan kebaikan moral serta memaksimumkan penggunaan akal. Berbeza dengan Hamka yang membincangkan mengenai kedudukan akal dalam memahami teks-teks agama Islam. Kedua, akal dalam erti kata kebahagiaan harus dilengkapi dengan kemahuan (*irādah*). Sekali lagi perbincangan Hamka mengandungi unsur ketuhanan dan Islam dengan memasukkan *makrifatullah* sebagai syarat yang perlu dipenuhi sebelum *irādah* kerana menurut Hamka dengan panduan agama sahajalah manusia beroleh kebahagiaan.

### **Penelitian Terhadap Konsep Kebahagiaan Aristotle dan Hamka**

Penelitian yang dilakukan memperlihatkan wujudnya persamaan dan perbezaan. Penulis meneliti konsep kebahagiaan Aristotle dan Hamka menerusi penulisan yang dibuat oleh mereka berdua iaitu Aristotle menulis mengenai kebahagiaan secara sistematik daripada ahli falsafah Greek klasik yang lain menerusi buku *Nicomachean Ethics*. Manakala Hamka membincangkan kebahagiaan dalam buku *Tasawuf Modern*. Konsep

kebahagiaan yang dibincangkan oleh mereka berdua berasaskan kepada kebahagiaan sebagai kebaikan. Aristotle dan Hamka cuba menjernihkan pandangan yang berbagai dengan mengetengahkan kebahagiaan merupakan satu-satunya kebaikan yang harus dicari oleh manusia. Di samping itu, mereka tidak menafikan sifat-sifat baik yang lain yang sebenarnya merupakan jalan untuk sampai kepada kebahagiaan. Aristotle dan Hamka membincangkan konsep kebahagiaan kerana konsep kebahagiaan dilihat penting dan dapat memandu masyarakat mencapai kebahagiaan yang betul, dengan memberi pendedahan mengenai apa yang terkandung di dalam kebahagiaan dan cara untuk mendapatkannya.

Perbincangan mengenai kebahagiaan sebenarnya termasuk dalam perbincangan falsafah etika dan akhlak di mana masyarakat ketika zaman Greek klasik telah didedahkan dengan perbincangan mengenai kebahagiaan oleh kebanyakan ahli falsafah mereka seperti Socrates, Plato, Epicurus dan lain-lain. Justeru, dengan kemunculan Aristotle yang membincangkan kebahagiaan secara sistematik dalam *Nicomachean Ethics* memberi panduan kepada masyarakat zamannya. Hamka menulis mengenai kebahagiaan di dalam *Tasawuf Modern* yang berbau ilmu tasawuf iaitu lebih terfokus dalam aspek ketuhanan untuk menyucikan jiwa dan juga pedoman masyarakat zamannya. Kemungkinan konsep kebahagiaan mereka berdua ini ditulis kerana keadaan dan suasana pada zaman tersebut yang mempunyai pelbagai jenis kefahaman dan aliran yang memahami kebahagiaan.

Sebagai contoh, golongan Cynicisme dalam masyarakat Greek klasik yang terpengaruh dengan Socrates menegaskan bahawa kebahagiaan yang sebenarnya tidak terdapat daripada kelebihan atau kemewahan luaran, seperti kemewahan material, kuasa politik atau kesihatan yang baik. Kekayaan merupakan sumber ketakutan dan menghilangkan kebahagiaan (Desmond 2008). Kebahagiaan yang sebenarnya terletak kepada ketidakbergantungan manusia kepada benda yang tidak kekal. Oleh sebab kebahagiaan tidak bergantung pada manfaat kebendaan seperti itu, maka kebahagiaan dapat dicapai oleh semua manusia (Bellioiti 2008). Golongan Cynic percaya bahawa manusia tidak perlu bersusah-susah tentang kesihatan mereka. Malah penderitaan dan kematian pun tidak mampu mengganggu golongan ini. Mereka juga tidak perlu berasa sedih kerana memikirkan tentang penderitaan orang lain (Borchet 2006). Oleh itu, Cynic sebagai satu golongan yang zuhud (Asketicisme) yang keras dalam cara hidup bagi mencapai kebahagiaan.

## KESIMPULAN

Kebahagiaan merupakan satu konsep penting yang dikaji oleh ramai ilmuwan sejak dahulu dan kini. Setelah meneliti pandangan dan pendapat antara Aristotle dan Hamka, maka benarlah terdapat beberapa persamaan dan perbezaan antara keduanya. Namun

demikian, konsep kebahagiaan keduanya masih boleh diterima umum dan yang membezakan di antara keduanya adalah konsep kebahagiaan Hamka berpandukan kepada ajaran Islam berdasarkan al-Quran dan al-Hadis. Tetapi konsep kebahagiaan Aristotle dilihat tidak menyentuh dan mengandungi unsur keagamaan dan ketuhanan kerana hanya merujuk kepada ahli falsafah sebelumnya dan pandangannya sendiri. Tidak menghairankan bahawa Aristotle sendiri seorang ahli falsafah semata-mata dan bukannya seorang agamawan. Walau bagaimanapun, konsep kebahagiaan mereka boleh diterima sebagai rujukan umum namun jika dilihat dari perspektif Islam, Hamka lebih dekat dan boleh diterima secara langsung kerana kebahagiaan yang dibincangkan oleh beliau bersumberkan ajaran Islam. Bagi Hamka, kebahagiaan hanyalah dapat dicapai jika seseorang kembali kepada agama. Tidak dinafikan juga kepentingan penggunaan akal dalam mencapai kebahagiaan oleh Aristotle dan Hamka tersebut. Makalah ini juga diharap dapat memberi panduan kepada masyarakat agar mereka boleh mengambil manfaat dan mempraktikkan nilai-nilai etika yang positif ke arah membentuk masyarakat yang bahagia secara keseluruhannya demi mencapai matlamat kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

## RUJUKAN

al-Quran.

Abdul Rauf. 2013. *Tafsir al-Azhar: Dimensi Tasawuf Hamka*. Selangor: Piagam Intan.

Ackrill, J. L. 1981. *Aristotle The Philosopher*. New York: Oxford University Press.

Alparslan Açikgenç. 2008. Aristotelian and islamic moral philosophy a comparative ethics. *al-Shajarah* 13: 125-146.

Annas, Julia. 1998. Virtue and Eudaimonism. *Social Philosophy and Policy* 15(1): 37-55.

Aristotle. 1962. *Nicomachean Ethics*. USA: Bobbs-Merill.

Belliotti, Raymond A. 2004. *Happiness is Overrated*. Maryland: Rowman & Littlefield Publishers.

Bertans, K. 2003. *Etika dan Moral untuk Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Borchert, Donald M. 2006. *Encyclopedia of Philosophy (1)*. USA: Thomson Gale.

Copleston, Frederick C. 1993. *A History of Philosophy*. New York: Image Books Doubleday.

- Cunningham, Stanley B. 1999. Getting it right: Aristotle's golden mean as theory deterioration. *Journal of Mass Media Ethics* 14 (1): 5-15.
- Desmond, William D. 2008. *Cynics*. California: University of California Press.
- Freeman, Kethleen. 1996. *Anchilla to the Pre-socrates philosophers: A Complete Translation of the Fragments in Diels, Fragmente der Vorsokratiker*. Massachusetts: Harvard University Press.
- Furley, David. 2007. *From Aristotle to Augustine*. New York: Routledge.
- Hamka. 1966. *Pandangan Hidup Muslim*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Hamka. 1970. *Tasawuf Modern*. Melaka: Penerbitan Abbas Bandung.
- Hamka. 1979. *Kenang-Kenangan Hidup*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Hamka. 1982. *Tafsir Al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Hamka. 2012. *Tasawuf Modern*. Shah Alam: Darul Hidayah Publisher.
- Huges, Gerard J. 2001. *Routledge Philosophy Guidebook to Aristotle on Ethics*. London: Routledge.
- McKeon, Richard. 2001. *The Basic Works of Aristotle*. New York: The Modern Library.
- Nasir Omar. 2012. *Falsafah Akhlak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- O'Grady, Patricia F. 2005. *Meet the Philosophers of Ancient Greece*. England: Ashgate Publishing Limited.
- Prior, William J. 2001. Eudaimonism and virtue. *The Journal of Value Inquiry* 35: 325-342.
- Wan Sabri Wan Yusof. 2008. *Tafsir al-Azhar: Suatu Gambaran Perubahan Sosial di Indonesia Pada Abad ke-20. Pemikiran Hamka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yunan Yusuf. 1990. *Corak Pemikiran Kalam Tafsir al-Azhar*. Jakarta: Penerbit Pustaka Panjimas.